


JENDELA

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM

BIL. 1, DISEMBER 1985

KENALI	CAHAYA perpustakaan usm	WARAS	PERUSA
Tejambat	MAS	GEMAS	FALAK
BERITA PUSM Pusta	Teraju	UNIK	LEHAI wira*usm
MEGA SUARA PERPUSTAKAAN USM PUSTAKA	BERKAT PUSM	INDOCIA	Pustaka Akrab
Perpustakaan MEDUTA	EkKk	Berkata	KANC
ERA	jendela	BERKAT	Suata Petunis
Permata	SUARA PERPUSTAKAAN USM PUSTAKA	INDIAK	INDIOP
SUPER Unisains	PUSTAKA	TUNAS	WARAKA
BERITA PERPUSTAKAAN USM BERPADU	ESOK	VARIASI	SUDRA PRISMA
SUARA PERPUSTAKAAN USM SEKATA	WAKTU		

PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA NAMA BULETIN



Perpustakaan merupakan jendela dunia. Tanpa perpustakaan ilmu pengetahuan tidak dapat dimiliki atau diteruskan dengan sempurna. Jendela terbuka menjemput cadangan atau pengaduan yang bernas.

KATA-KATA ALUAN

Saya ucapkan tahniah kepada Sidang Pengarang Jendela atas keluaran sulung buletin ini.

Sejak penubuhannya, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah berkembang dengan cepat dan bilangan kakitangan kita telah bertambah dari 3 orang pada tahun 1969 kepada 171 orang pada tahun 1985. Kita juga mempunyai cawangan di Kubang Kerian dan cawangan Perak akan dibuka tidak lama lagi.

Dengan penambahan kakitangan serta perkembangan perkhidmatan Perpustakaan secara amnya, keluaran Jendela adalah sesuai sebagai sebuah alat perhubungan antara kakitangan tentang perkembangan di Perpustakaan dari segi perkhidmatan serta hal-hal kakitangan yang lain.

Saya berharap buletin ini akan terus memainkan peranan yang positif dalam mempererat lagi perhubungan antara kakitangan serta menjadi saluran maklumat yang berkesan.

Semoga usaha-usaha ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan.

LIM CHEE HONG
Pemangku Ketua Pustakawan

TABUNG KEMAJUAN KERJAYA KAKITANGAN PERPUSTAKAAN

Tabung Kemajuan Kerjaya Kakitangan Perpustakaan ditubuhkan pada Januari 1985 dengan tujuan membantu kakitangan am Perpustakaan yang ingin mengikuti sebarang pelajaran demi memperbaiki masa depan mereka.

Bantuan kewangan yang diberikan berupa pinjaman wang tanpa faedah untuk bayaran yuran kelas atau peperiksaan seperti yang berikut:

- (i) Sijil Rendah Pelajaran
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia
- (iii) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
- (iv) Sijil atau Diploma Profesyenal
- (v) Sijil Diploma bukan profesyenal
- (vi) Lain-lain Peperiksaan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Tabung

Pinjaman

Pinjaman ini diberi kepada kakitangan am. Keutamaan akan diberi kepada pinjaman untuk membayar yuran peperiksaan. Pinjaman maksima akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Tabung.

(a) Permohonan

Permohonan untuk mendapatkan pinjaman mestilah dibuat dalam tiga salinan borang rasmi dan dialamatkan kepada Setiausaha, Tabung Kemajuan Kerjaya Kakitangan Perpustakaan, Universiti Sains Malaysia. Iklan tawaran akan dikeluarkan dari masa ke semasa. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan. Pemohon-pemohon yang memerlukan bantuan selanjutnya hendaklah membuat permohonan semula apabila iklan dikeluarkan.

(b) Pemilihan

Jawatankuasa Tabung akan memproses permohonan-permohonan yang layak untuk dipertimbangkan. Jumlah pinjaman akan ditentukan oleh Jawatankuasa dan juga antara lain akan memastikan:

- (i) Pemohon mestilah seorang kakitangan di Perpustakaan.
- (ii) Pemohon tidak memperolehi bantuan kewangan dari mana-mana pihak atau badan di Universiti Sains Malaysia untuk peperiksaan yang diambil.
- (iii) Pemohon harus mengemukakan resit pembayaran peperiksaan yang akan diambil.
- (iv) Pemohon tidak akan berundur dari peperiksaan tanpa sebab-sebab yang kuat dan menasabah.
- (v) Pemohon akan memberitahu keputusan peperiksaan sebaik saja diumumkan kepada Jawatankuasa Tabung secara bertulis.

(c) Bayaran Balik

Peminjam diberi tempoh tiga bulan dari tarikh beliau menerima pinjaman sebelum memulakan pembayaran balik pinjamannya kepada Tabung. Kadar bayaran balik adalah seperti berikut:

- (i) Dua belas bulan pertama \$10.00 sebulan
Dua belas bulan kedua \$15.00 sebulan
Dua belas bulan ketiga \$20.00 sebulan
Dua belas bulan keempat dan
berikutnya sehingga selesai \$25.00 sebulan
pinjaman
- (ii) Pembayaran balik pinjaman dibuat atas dasar pinjaman pertama yang dibuat oleh peminjam. Bayaran pinjaman dibuat pada setiap tahun mengikut kadar yang ditetapkan.
- (iii) Jika pinjaman yang kedua dan seterusnya diambil sebelum bayaran balik pinjaman pertama dijelaskan, kadar bayaran balik bagi pinjaman yang kedua dan seterusnya adalah berlarutan dari kadar bulan terakhir pinjaman pertama dijelaskan/seterusnya.

(d) Surat Perjanjian

Pemohon-pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan pihak Jawatankuasa Tabung. Tandatangan seorang penjamin yang diakui oleh Jawatankuasa Tabung diperlukan.

(e) Penjamin


Penjamin-penjamin hendaklah bertaraf kakitangan yang telah disahkan jawatan di Universiti Sains Malaysia.

Untuk maklumat yang selanjutnya mengenai Tabung Kemajuan Kerjaya Kakitangan Perpustakaan, sila hubungi Encik Ramli A. Samad (Bahagian Rujukan & Penerangan), Setiausaha Tabung tersebut.

Jawatankuasa Kecil TKKKP bagi Projek 'Stickerton' ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan 'Stickerton' yang dijalankan pada bulan Oktober 1985.

ERA BARU BAGI PERPUSTAKAAN

DORTMUND - LEUVEN LIBRARY SYSTEM (ataupun dikenali sebagai DOBIS/LIBIS) telah dipasang di Pusat Komputer Universiti Sains Malaysia pada 19 Oktober 1985 untuk kegunaan Perpustakaan ini. DOBIS/LIBIS merupakan suatu sistem talian (on-line) yang boleh digunakan untuk semua fungsi perpustakaan - iaitu pengkatalogan, pencarian, perolehan, kawalan majalah dan sirkulasi. Dengan sistem ini, perkhidmatan serta pentadbiran perpustakaan akan menjadi lebih cekap.



Pada masa ini, Ketua-Ketua Bahagian sedang menggunakan perisian ini untuk membiasakan diri dengan sistem tersebut sebelum latihan diberi kepada kakitangan mereka. Sistem ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka akan memakan masa selama setahun, sebelum ianya dapat digunakan dengan sepenuhnya.


Rashidah Begum

PERPUSTAKAAN PERUBATAN PINDAH KE BANGUNAN BARU

Pada penghujung bulan Oktober 1985, sebahagian besar koleksi buku-buku di Perpustakaan Perubatan Universiti Sains Malaysia di Minden, Pulau Pinang dipindah ke Kubang Kerian. Di samping itu, Cawangan Perpustakaan Perubatan Universiti Sains Malaysia di Kubang Kerian juga dipindahkan dari tingkat lapan, Hospital Universiti ke bangunan barunya. Bangunan yang bertingkat tiga ini terletak berdekatan dengan asrama penuntut-penuntut perubatan. Buat masa ini hanya dua tingkat digunakan oleh perpustakaan, sementara tingkat tiga dipinjamkan kepada kakitangan pentadbiran dan akademik.

Seramai sebelas orang kakitangan termasuk Pemangku Penolong Pustakawan Kanan Perpustakaan Perubatan, Puan Sofiah Hashim telah mula bertugas di sana.

- Lillian Woon -



K.S

Encik Pang Siam Choong (Bahagian & Rujukan & Penerangan) telah menghadiri Kursus Perancangan Perpustakaan pada 21-22 Oktober 1985 di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Seramai 30 orang pustakawan dan 8 orang akitek menghadiri kursus ini.

Topik perbincangan termasuk aspek-aspek perancangan bangunan perpustakaan, keperluan piawaian kerajaan, sukatan rekabentuk atau "design criteria", perabot dan perkakas-perkakas untuk perpustakaan. Dalam sesi bengkel, pustakawan-pustakawan diberi peluang untuk berbincang dengan akitek tentang keperluan-keperluan untuk sesebuah perpustakaan dan satu draf design diadakan.

Puan Rashidah Begum, Ketua Bahagian Automasi & Penyelidikan telah menghadiri "Seminar on the Impact of Automation on the Function, Administration and Staffing of Libraries" di Singapura pada 1-2 November 1985. Seminar ini yang dianjurkan oleh Persatuan Perpustakaan Komenwel (Commonwealth Library Association) dan Persatuan Perpustakaan Singapura disertai oleh lebih kurang 90 peserta.

Perkara-perkara yang dibincangkan termasuk sebab-sebab sebuah perpustakaan mengadakan rancangan automasi, cara-cara mengimplementasi rancangan tersebut serta kesan-kesan ke atas kakitangan.

Encik Lim Chee Hong telah dijemput oleh Unesco untuk menjadi salah seorang ahli dalam Mesyuarat Kumpulan Pakar mengenai kajian pelaksanaan "Common Communication Format" di samping menjadi ahli sumber dalam "Regional Seminar on Bibliographical Databases from the Network Point of View" yang berlangsung pada 18-22 November 1985 di Kathmandu, Nepal. Di Seminar Wilayah itu, beliau juga membentangkan kertaskerja mengenai pengalaman dan perkembangan operasi sistem MALMARC untuk pengetahuan peserta-peserta.

Peserta-peserta terdiri daripada pustakawan dan ahli komputer dari Negara Nepal, Bangladesh, India, Iran, Pakistan, Sri Lanka dan Pulau Maldives.

ASTAKA

ASTAKA ataupun Angkatan Seni & Sukan Perpustakaan telah ditubuhkan pada pertengahan tahun 1973 atas cadangan dan sokongan kakitangan Perpustakaan sendiri. Penubuhan ASTAKA bertujuan untuk memupuk perasaan muhibah dan persaudaraan antara ahli. Semua kakitangan Perpustakaan menjadi ahli secara automatik. Bekas kakitangan Perpustakaan yang berkhidmat di Universiti boleh dipertimbangkan sebagai ahli bersekutu.

Pentadbiran

ASTAKA bergerak dengan bantuan ahli Jawatankuasa yang dipilih dari Mesyuarat Agung setahun sekali.

Jawatankuasa ASTAKA 1985/86

Presiden: Lim Chee Hong
Naib Presiden: Mohd. Aziz Osman *Bendahara - Quah.*
Setiausaha: Mohd. Pisol Ghadzali
Penolong Setiausaha: Ahmad Nasaruddin
Setiausaha Sosial: Arjan Singh
Penolong Setiausaha Sosial: Roziah Mohammad
Setiausaha Sukan: Omar Charkim
Penolong Setiausaha Sukan: Teh Toh Seng
Wakil Kakitangan Iktisas: Norma Bahri
Wakil Kerani/Jurutrengka's/Kerani Rendah: Abd. Basher Abdullah
Wakil Penjilid/Operator Mikrofilem/Juruteknik Rendah: Ismail Abu
Wakil Jurutaip/Operator Key punch/Operator Teleks: Asnah Ali
Wakil Atendan/Tukang Cuci: R. Muniandy
Wakil Ahli Bersekutu: Mohammad Baba
Wakil Perpustakaan Perubatan: Shaik Omar S. Ismail

TUJUAN

ASTAKA ditubuhkan dengan tujuan-tujuan yang berdasarkan:-

- a) kebajikan
- b) kesukanan
- c) sosial & hiburan

(a) Kebajikan

Tiap-tiap ahli ASTAKA akan diberi kemudahan kebajikan pada masa-masa yang tertentu.

Umpamanya ASTAKA akan memberi sumbangan seperti berikut:-

- i) \$25.00 kepada ahlinya yang kematian ibu, bapa, anak dan isteri/suami.
- ii) \$20.00 berupa cenderamata sekiranya seorang ahli itu berhenti daripada tugasnya dari Perpustakaan ini selepas bertugas selama sekurang-kurangnya 2 tahun.
- iii) \$15.00 bagi ahli-ahli yang mendapat cahaya mata yang pertama setelah ia menjadi ahli ASTAKA.
- iv) \$10.00 berupa barang makanan/buah-buahan untuk ahli yang dirawat di rumah sakit sekurang-kurangnya selama 5 hari.

(b) Kesukanan


ASTAKA menggalakan semua ahlinya menceburkan diri dalam bidang sukan. Permainan-permainan seperti bola sepak, bola tampar, hoki, sepak takraw, bulu tangkis untuk pemain-pemain lelaki dan wanita disediakan. Permainan rekreasi seperti karem juga disediakan di bilik rehat kakitangan Perpustakaan. Satu acara tahunan yang menarik ialah Temasya Sukan ASTAKA dimana perlawanan sukan diadakan di antara bahagian-bahagian Perpustakaan atau perbahagian secara lain. Di samping itu ASTAKA juga mengambil bahagian dalam perlawanan-perlawanan muhibah di antara pasukan-pasukan lain, dalam dan luar Universiti. ASTAKA merupakan salah sebuah pasukan yang mengambil bahagian dalam Temasya Sukan Universiti Sains Malaysia dan kemudahan-kemudahan latihan untuk berbagai permainan juga disediakan di bawah tanggungjawab Setiausaha Sukan.

(c) Sosial & Hiburan

Dalam lapangan sosial, ASTAKA merancangkan berbagai acara yang menarik setiap tahun. Acara-acara itu diantaranya ialah lawatan sambil bersukan, di dalam dan di luar Pulau Pinang. Perkelahan tahunan juga diadakan dimana ahli-ahli digalakkan membawa bersama keluarga untuk mengenali lebih dekat lagi antara satu sama lain.

ASTAKA juga mengadakan Jamuan Makan Malam Tahunan pada setiap tahun selepas acara Temasya Sukan ASTAKA. Majlis penyampaian hadiah bagi pemenang-pemenang temasya sukan dilangsungkan di majlis ini.

Ahli-ahli ASTAKA memainkan peranan yang penting dalam menjayakan persatuan ini. Semua ahli dikenakan yuran \$1.00 setiap bulan untuk membiayai aktiviti-aktiviti ASTAKA. Yuran masuk dikenakan sebanyak \$2.00 ke atas ahli-ahli baru.



- Md. Noor Din -

Hal-hal kakitangan Perpustakaan

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia kini mempunyai 171 orang kakitangan. Dari jumlah ini 150 orang kakitangan adalah dari Perpustakaan Utama, 20 orang dari Perpustakaan Perubatan dan seorang dari Perpustakaan Media, Pusat Teknologi Pendidikan dan Media.

- I. Sejak 1 November yang lalu seramai 5 orang kakitangan baru (sementara) telah dilantik. Mereka adalah:

Poopathy a/p Thamgapandia, Pegawai Tadbir (MALMARC)
Ibrahim Naina, Kerani (MALMARC)
Rannah Ramli, Kerani (MALMARC)
Sarimah Mohd. Saad, Operator Mesin Prosesan Data (MALMARC)
Hanisah Lazim, Operator Mesin Prosesan Data (MALMARC)

Kami mengalu-alukan kedatangan mereka dan mengucapkan selamat menjalankan tugas dengan penuh cabaran dan selamat maju-jaya.

- II. Berikut adalah senarai kakitangan-kakitangan yang telah berpindah ke Perpustakaan Kubang Kerian, Kelantan.

Sofiah Hashim - Pemangku Penolong Pustakawan Kanan	
Hasnah Abd. Ghani - Pen. Pustakawan	Sarifah Hanafie - Jurutrengkas
Noorazilan Noordin - Kerani	Mohd. Azizan Embi - Kerani
Azizan Mat Zani - Kerani.	Mak Wan Kecik Abu Bakar - Jurutaip
Che Rahim Che Man - Kerani Rendah	Ariffin Aziz - Kerani Rendah
Amran Hassan - Atendan	Dzanzam Mohammad - Atendan

- III. Berikut disenaraikan kakitangan-kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang mengikuti kursus dan bengkel di dalam dan di luar negeri.

Encik Lim Huck Tee - Ketua Pustakawan
Rancangan: Diploma Lepas Ijazah - Fellowship (International Development Programme - IDP)
Tempat: Australia
Jangkamasa: 29.1.85 - 28.1.86 (1 tahun)

Puan Nor Edzan Nasir - Pegawai Tadbir, Bahagian Rujukan & Penerangan
Kursus: Pengajian "Graduate Diploma" di dalam bidang pengurusan maklumat perpustakaan
Tempat: University of New South Wales, Australia
Jangkamasa: 15.2.85 - 14.2.86 (1 tahun)

Encik Mohd. Idris Hj. Ali - Kerani, Bahagian Pejabat Pustakawan dan
Encik Mohd. Yusof b. Othman - Kerani, Bahagian Bahan-Bahan Bersiri
Kursus: Diploma in Library Science
Tempat: Institut Teknologi Mara (ITM), Jalan Othman, Petaling Jaya.
Jangkamasa: 3 tahun, 1985 - 1988

IV. Kakitangan-kakitangan Perpustakaan yang menduduki Peperiksaan

(i) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) Nov - Dis 1985

Sithamparam Siddalingam	- Bah. Proses Teknik
Mohd. Nor Din	- Bah. Bahan-Bahan Bersiri
Omar Charqim	- Bah. Bahan-Bahan Bersiri
Mohd. Fadzil Bohari	- Bah. Perolehan
Mohd. Nasir Abu Hashim	- Bah. Perolehan
Mohd. Shamsuri Jusoh	- Bah. Perkhd. Pembaca & Pengembangan
Mohd. Arop Hj. Senawi	- Bah. Perkhd. Pembaca & Pengembangan
Krishnan Ramasamy	- Bah. Perkhd. Pembaca & Pengembangan
Vijayasekaran Suppiah	- Bah. Bahan-Bahan Bersiri

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Nov - Dis 1985

Sallehuddin Pandak Abdullah	- Bah. Bahan-Bahan Bersiri
Ravindran Vasu	- Bah. Perkhd. Pembaca & Pengembangan
Hasan Sukit	- Bah. Perkhd. Pembaca & Pengembangan
Balakrishnan Mariappan	- Bah. Perkhd. Pembaca & Pengembangan

(iii) Sijil Rendah Pelajaran (SRP) Okt 1985

Sazali Ariffin	- Bah. Bahan-Bahan Bersiri
----------------	----------------------------

V. Berikut disenaraikan kakitangan-kakitangan Perpustakaan yang menduduki Peperiksaan Am Jabatan.

(i) Peperiksaan Am Jabatan Sekatan ke 2 (Kerani Perpustakaan)


Mustafa Albakri	- Bah. Perkhd. Pembaca & Pengembangan
Saad b. Darus	- Bah. Proses Teknik
Mohd. Nasir Abu Hashim	- Bah. Perolehan
Nor Adzam Baba	- Bah. Perkhd. Pembaca & Pengembangan

(ii) Peperiksaan Am Jabatan Sekatan Pertama (Kerani Perpustakaan)


Mohd. Shamsuri Jusoh	- Bah. Perkhd. Pembaca & Pengembangan
----------------------	---------------------------------------

(iii) Peperiksaan Jabatan bagi Juruteknik Rendah Sekatan Pertama

Ismail Abu	- Bah. Proses Teknik
------------	----------------------



CARTA ORGANISASI, 1985



* Bilangan kakitangan

Perpustakaan Utama - 150 orang
 Perpustakaan Perubatan - 20 orang
 Perpustakaan PTPM - 1 orang

Jumlah - 171 orang

SELAMAT PENGANTIN BARU

En. Yeoh Teik Guan (Kerani, Pejabat Ketua Pustakawan)
& Cik Chen Saw Teen

En. Akhbar Salleh (Penyunting, Penerbit USM)
& Cik Hasnah Osman

SEMOGA BERKEKALAN HINGGA KE ANAK CUCU



Kepada Cik Lily Oh:

Ucapan tahniah atas kemenangan hadiah kedua
"Pertandingan Padankan Perasa Maggi". Bila nak
belanja?

yang sedang menunggu

Sidang Pengarang Jendela mengucapkan 'MERRY CHRISTMAS' kepada kakitangan yang beragama Kristian dan SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 1986 kepada semua kakitangan.

Diucapkan tahniah kepada Mohd. Aziz Osman atas kelahiran cahaya mata lelaki yang pertama.

